

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI  
DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN  
[BEAUFORT]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi inisiatif kepada majikan-majikan yang memerlukan pekerja untuk menggaji warga emas yang masih berkemampuan bagi mengisi kekosongan jawatan akibat daripada kekurangan pekerja asing ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah pakej terbaru yang diumumkan oleh Kerajaan iaitu **Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)**, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telahpun melaksanakan beberapa inisiatif untuk tempoh mulai 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 bagi membantu majikan-majikan yang memerlukan pekerja termasuk menggaji warga emas yang masih berkemampuan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

Di antaranya adalah melalui program di bawah **Penjana Kerjaya 3.0** yang bertujuan menyediakan peluang kerjaya iaitu inisiatif bagi membantu golongan mudah terjejas dengan memberi dorongan kepada majikan untuk membuat **pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas**, OKU dan bekas banduan dengan tempoh kontrak penggajian dikurangkan daripada satu (1) tahun kepada enam (6) bulan.

Kerajaan turut meluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** meliputi golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO termasuklah pekerja sektor tidak formal yang dikenali sebagai **SIP Prihatin 2.0**. Pencari kerja yang belum mencarum dengan PERKESO perlu mendaftar di Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs dan perlu menghadiri temuduga terbuka sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh dua bulan. **Insentif EMP akan diberikan sebanyak RM300 sebulan**. Sekiranya pencari kerja kembali bekerja atau mendapat pekerjaan melalui MyFutureJobs, **jumlah insentif sebanyak RM400** akan turut diberikan.

Kerajaan melalui PERKESO telah menyediakan program-program di bawah **Sistem Insurans Pekerjaan** bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, *Skills Profiling*, penulisan *resume*, *mock interview*, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan. Dengan inisiatif-inisiatif ini, kebolehpasaran mereka akan ditingkatkan dan meluaskan peluang mereka memasuki pasaran kerja.